

03/02/2003

Generasi muda jangan musnahkan kemakmuran, perpaduan: Isa

SEREMBAN: Generasi muda perlu memelihara dan mengekalkan kesenangan dan kemakmuran yang dinikmati, kata Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Beliau berkata, generasi muda bertuah kerana kehidupan mereka dilimpahi kesenangan dan kemakmuran berbanding azab kepayahan serta kesukaran yang dialami datuk nenek mereka satu ketika dulu.

"Cukuplah dengan azab kepayahan dan kesukaran yang dialami datuk nenek kita dulu. Justeru, apa yang dinikmati harus dikekalkan bukan saja untuk kita tetapi anak cucu akan datang.

"Jangan sesekali mencuba atau melakukan sebarang perkara yang boleh memudarlat dan melenyapkan segala kesenangan dan kemakmuran yang dinikmati hari ini," katanya kelmarin.

Beliau berkata demikian pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti Gerakan Negeri Sembilan di pusat beli-belah Terminal One.

Kira-kira 5,000 rakyat berbilang kaum menghadiri majlis itu yang turut diserikan dengan persembahan tarian singa dan pertunjukan kebudayaan itu.

Mohd Isa berkata, generasi muda harus sedar kesenangan dan kemakmuran yang dinikmati turut berpunca daripada kebijaksanaan generasi sebelum mereka dalam menentukan pemilihan pemerintahan.

"Lihat sesetengah negara, mereka mempunyai pemimpin yang bagus tetapi rakyat mereka sebaliknya. Ada sesetengah negara pula mempunyai rakyat yang bagus, sementara pemimpinnya tidak bagus.

"Manakala negara kita mempunyai pemimpin yang berkarisma serta dikagumi di seluruh dunia (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan rakyat negara ini jelas bersatu padu dan bijak membuat pilihan (menentukan kerajaan).

"Faktor itu antara punca segala kesenangan dan kemakmuran yang diperolehi hari ini," katanya.

Walaupun rakyat di negara ini berbilang kaum, Mohd Isa berkata, kedamaian dan ketenangan jelas dinikmati semua pihak tanpa sebarang ketegangan mahupun persengketaan.

"Banyak negara yang mengagumi kita dan ada juga yang iri hati dengan kejayaan negara ini terutama keupayaan pemerintah mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum.

"Jadi, jangan terpengaruh dengan sebarang agenda pihak tertentu, sebaliknya kita harus mengekalkan formula kejayaan sekarang bagi memastikan kita terus dilimpahi dengan segala kesenangan dan kemakmuran," katanya.

Sebelum itu, Mohd Isa turut menghadiri majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA Negeri Sembilan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban.